

KERAJAAN NAK WUJUD ESTET PADI

SM 17 MAR 1985

Oleh Abu Bakar Sidek

Usaha tambah hasil petani lebih ekonomik - Mahathir

KAMPUNG GAJAH 16 Mac - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan hasrat kerajaan untuk mewujudkan estet padi di beberapa tempat dalam usaha menambah hasil petani supaya lebih ekonomik yang memberi manfaat besar kepada pembangunan negara.

Katanya, tradisi menanam padi secara kecil kecilan di kawasan tanah yang terhad yang diamalkan selama ini oleh para petani didapati tidak ekonomik dan tidak dapat membantu mereka meningkatkan tahap pendapatan masing-masing.

Sebab itulah, katanya, kerajaan berhasrat melaksanakan beberapa program estet padi di negara ini dengan harapan ianya dapat memberikan penghasilan yang lebih lumayan kepada petani sendiri.

Beliau berkata, menurut kajian yang dijalankan oleh kerajaan didapati sistem penanaman padi yang diamalkan oleh para petani di negara ini sekarang didapati tidak menguntungkan kerana dari setiap satu ringgit diperolehi oleh para petani dari jualan padi mereka 50 sen adalah subsidi dari kerajaan.

Ini bererti jika petani memperolehi 50 sen bermakna kerajaan terpaksa menambah 50 sen lagi bagi mengelakkan petani dari mengalami kerugian," ujarnya.

Sebab itu, tegasnya kerajaan terpaksa mengimport beras dari luar negeri kerana harganya murah dan mempunyai kualiti yang tinggi, tetapi amalan ini tidaklah boleh diamalkan terus menerus.

Menurutnya, jika amalan membeli beras dari luar negeri diteruskan tentulah membebankan kerajaan, kerana terpaksa mengadakan peruntukan besar bagi membeli beras dari luar.

Katanya, menyedari hakikat itulah kerajaan mengambil langkah mewujudkan estet padi dengan harapan ianya dapat membantu

mengeluarkan beras bermutu tinggi di samping membantu meningkatkan lagi taraf pendapatan.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap merasmikan Koperasi Serbaguna Blok 'A' dan 'C' Kampung Bukit Cawi Berhad Seberang Perak pagi tadi yang mengendalikan estet padi seluas 1,173 hektar yang terbesar di Perak.

Estet padi tersebut dimajukan oleh sebuah syarikat perunding bumiputera Alinan Jurukonsult (M) Sendirian Berhad mendapat geran bantuan \$1 juta dari Jabatan Perdana Menteri dan pinjaman \$1.5 juta dari bank tempatan.

Perdana Menteri yang merestuai sendiri projek estet padi Bukit Cawi itu berharap kawasan Seberang Perak meliputi kawasan seluas 80,000 hektar akan menjadi estet padi terbesar di Malaysia di samping tanaman kelapa sawit dan koko sebagai tanaman selingan.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sri Sanusi Junid mendarat dengan helikopter di padang Sekolah Menengah Seberang Perak telah disambut oleh Menteri Besar Perak, Dato' Sri Ramli Ngah Talib, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Megat Junid Megat Ayob, Setiausaha Kerajaan Perak, Encik Mohd. Norzid Mohd. Wali, ahli-ahli Exco dan orang ramai.

Berucap seterusnya, Perdana Menteri menyasarkan kepada para petani supaya menanam berbagai jenis tanaman selingan di kawasan sawah untuk menambahkan pendapatan dan ti-

dak ditumpukan kepada padi saja yang harganya turun naik di pasaran.

Beliau berkata, dengan mempelbagaikan tanaman lain di kawasan persawahan para petani dapat menseimbangkan harga padi dan memperoleh, pendapatan dari pada lain sumber tanaman.

Bercakap mengenai estet padi itu, Perdana Menteri berkata kerajaan memberi geran pelancaran \$1 juta kepada koperasi serbaguna di situ bertujuan memberi galakan kepada koperasi meningkatkan lagi daya mengeluarkan pertanian bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan petani.

"Kerajaan tidak berniat mencari untung dari pemberian geran \$1 juta dari rakyat miskin luar bandar, apa yang kerajaan beri semata-mata untuk menolong rakyat mendapat manfaat dan menikmati faedahnya," tambahnya.

Beliau memuji para petani di situ kerana menyambut baik seruan kerajaan menerima rancangan kampung tersusun yang akan dilaksanakan di situ dalam usaha-usaha menyusun masyarakat petani bagi memudahkan kerajaan menyalurkan kemudahan asas dari masa ke semasa.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata segala perancangan baik menelan ribu ringgit yang disediakan oleh kerajaan tidak akan mencapai matlamat kejayaan, jika rakyat bersikap dingin dan tidak memberi kerjasama sepenuhnya.

Katanya, kalau rakyat diberi mahligai jika tidak dipelihara dengan baik ianya akan hancur, sebab itulah kerajaan memerlukan sokongan kerjasama rakyat menjayakan program pembangunan yang disediakannya selama ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia sangat beruntung kerana negara ini tanahnya subur tidak berlaku sebarang bencana alam seperti kebuluran di Afrika, banjir besar di Bangladesh serta gempa bumi yang menjahanamkan harta benda dan rakyat di negara tersebut dan ramai yang terkorban.

Rakyat di negara ini patut bersyukur kepada Allah kerana kita telah dikurniakan oleh Tuhan keadaan muka bumi yang baik serta subur kerana itu kita perlulah berusaha lebih gigih di samping bekerjasama sepenuhnya dengan kerajaan bagi membangunkan negara ini terus maju di masa hadapan.